



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

# Wajah sebenar kuasa pejuang hak asasi

**L**aporan akhbar Der Spiegel dan Sydney Morning Herald mengenai pendedahan pemberi maklumat perisikan, Edward Snowden bahawa risikan dibuat ke atas Malaysia oleh kedutaan Amerika Syarikat (AS) dan Suruhanjaya Tinggi Australia bagi memintas maklumat radio, telekomunikasi dan Internet cukup menggemparkan rakyat negara ini.

Malah, ramai yang tampil menzahirkan rasa tidak puas hati serta marah di atas tindakan pengintipan ke atas negara kita oleh kedua-dua negara terbabit. Hal ini kerana tindakan mereka dilihat mencerooboh kedaulatan dan maruah negara ini sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka di samping menimbulkan kontroversi dari aspek keselamatan rakyat dan negara ini.

Dalam hal ini, apa yang lebih memeranjatkan kita ialah menurut Snowden lagi, risikan ini yang dijalankan di bawah operasi 'Stateroom' bukan sahaja membabitkan AS dan Australia tetapi dikatakan turut membabitkan dua negara lain iaitu Britain dan juga Kanada. Ini jelas mengamburkan betapa kita terdedah kepada bahaya dan ancaman dari segi menjaga dan memelihara kedaulatan dan keselamatan negara.

Itu juga menunjukkan betapa negara besar yang selama ini mendabik dada sebagai polis dunia dan negara yang memartabatkan hak asasi manusia dengan rakusnya mencerooboh hak asasi negara lain sewenang-wenangnya.

Justeru, sebagai rakyat sebuah negara yang berdaulat dan merdeka kita mengutuk sekeras-kerasnya tindakan penceroobohan hak dan pengintipan ini. Kita menyokong sepenuhnya keputusan dan pendirian kerajaan yang menentang keras sebarang kegiatan pengintipan terhadap mana-mana kerajaan kerana ia membabitkan soal kedaulatan negara terbabit.

Kita juga menyokong penuh tindakan kerajaan yang melalui Wisma Putra menghantar nota bantahan kepada Kedutaan AS dan Suruhanjaya Tinggi Australia di Kuala Lumpur berhubung dakwaan terbabit baru-baru ini. Tindakan Wisma Putra yang memanggil pihak kedutaan kedua-dua negara berkenaan bagi mendapatkan penjelasan juga amat wajar dan bertepatan.



**PENUNJUK** perasaan membawa sepanduk tertera gambar Snowden ketika berarak di hadapan mercu tanda Berlin, Brandenburg Gate, baru-baru ini.

Andai benar dakwaan Snowden berhubung pengintipan ini ia satu penceroobohan hak asasi yang cukup berat dan serius. Kita berharap agar tindakan Presiden AS Barack Obama yang dilaporkan mengarahkan satu kajian semula dilakukan terhadap semua kegiatan pengintipan oleh pihak negara itu akan telus dan mendedahkan perkara sebenar.

Sekiranya didapati dakwaan ini benar dan memang ada kegiatan pengintipan kita perlu mendedahkan penjelasan terperinci apakah tujuan aktiviti pengintipan terbabit dan apa jenis maklumat yang mereka peroleh selama ini.

## Pertahan kedaulatan negara

Kita tidak mahu negara kita terdedah kepada sebarang bentuk penceroobohan mahupun ancaman keselamatan akibat daripada aktiviti pengintipan seperti ini. Sudah semestinya kita tidak mahu rahsia keselamatan negara termasuk rahsia ketenteraan diketahui oleh pihak luar yang boleh menjadi ancaman besar kepada keselamatan rakyat dan negara kita.

Walaupun pihak keselamatan negara iaitu polis dan angkatan tentera sudah menyatakan tiada ruang untuk maklumat keselamatan negara bocor, namun kita tidak boleh mengambil risiko dan memandang rendah pendedahan ini.

Apapun pendedahan ini menunjukkan betapa kita terdedah kepada ancaman luar. Maka, pihak kerajaan wajar ambil iktibar dan pedoman seterusnya memperketatkan aspek pengawasan dan memikirkan langkah dan pendekatan terbaik untuk terus

mempertahankan kedaulatan negara daripada terus diceroobohi.

Misalnya sistem saringan dan tapisan perlu diperbanyakkan dan dimantapkan. Hal ini cukup signifikan kerana kita tidak mahu aktiviti seumpama ini merintis jalan kepada insiden berdarah seperti penceroobohan di Lahad Datu tempoh hari. Ringkasnya kita tidak mahu pisang berbuah dua kali.

Justeru, kita juga menyokong penuh inisiatif dan usaha pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang dilaporkan akan mengemukakan beberapa cadangan untuk mempertingkatkan tahap keselamatan dalam sistem komunikasi negara supaya tidak mudah diceroobohi oleh pihak tertentu, terutama perisikan luar negara.

Besarliah harapan kita agar pihak kerajaan tidak bertolak ansur dalam hal serius seperti ini. Kita perlu tegas, konsisten dan keras dalam menyatakan pendirian kita agar mereka betulkan keadaan. Walaupun isu ini mungkin boleh menjejaskan hubungan diplomatik antara negara, tetapi kita percaya kerajaan mampu menguruskannya dalam situasi menang-menang ataupun umpama menarik rambut dari tepung.

Hakikatnya tiada apa yang lebih utama daripada kita mempertahankan kedaulatan, maruah dan keselamatan rakyat dan negara ini.

Sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan cintakan negara, kita wajar mempertahankan maruah, kedaulatan dan keselamatan negara ini walau dalam apa jua keadaan sekalipun.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM**